

## PEMARKAHAN KARANGAN UMUM DAN KARANGAN UPSR

oleh Mohd. Isa bin Abd. Razak

### PENDAHULUAN

Soalan subjektif, khususnya karangan, dapat menjadi alat pengukuran yang berkesan jika disediakan peraturan memberi markah (PMM) yang sesuai, diperiksa oleh pemeriksa yang cekap dan ada penyelarasan antara pemeriksa. PMM, kecekapan pemeriksa dan penyelarasan pemeriksaan adalah perkara mesti jika ujian itu ialah ujian pencapaian dan pemeriksanya lebih daripada seorang. Keperluan PMM pula tetap menjadi perkara mesti bagi soalan esei walaupun pemeriksanya hanya seorang. Berbagai-bagai faktor di luar dan dalam diri si pemeriksa itu sentiasa sahaja mempengaruhi kebolehpercayaan pemarkahannya.

Kertas ini membincangkan PMM karangan secara ringkas. Tumpuan perbincangan adalah pada aspek amali pemarkahan karangan. Beberapa contoh PMM karangan dikemukakan. Pemarkahan karangan peringkat sekolah rendah diberi perhatian istimewa dengan harapan kecemerlangan pendidikan bahasa kita semerbak sejak peringkat sekolah rendah lagi. Bagaimanapun, PMM contoh yang dikemukakan di sini tidak semestinya sama dengan PMM dalam ujian sebenar. Sebagai melengkapkan kertas ini, dibincangkan juga teknik pemarkahan, penyelarasan dan beberapa isu yang berkaitan dengan pemeriksaan karangan.

### PERATURAN MEMBERI MARKAH

Sebelum memeriksa karangan, kita perlu menyediakan PMM. Bagi ujian sumatif seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), PMM telah disediakan oleh pihak yang bertanggungjawab. Amnya, ada dua teknik membina PMM iaitu teknik global (impresif, holistik, tanggapan) dan teknik analisis (perincian) (Abdul Aziz (1993: 155). Pemarkahan global dapat digabungkan dengan pemarkahan analisis, dan dapat dinamakan teknik eklektik.

#### Teknik Global

Global atau holistik bermaksud menyeluruh. Rasional teknik ini ialah keseluruhan lebih penting daripada bahagian. Berasaskan rasional ini, pemeriksa melakukan penilaian secara keseluruhan terhadap sesuatu karangan. Karangan itu dibaca sekali lalu untuk menganggarkan prestasi calon berasaskan sesuatu skala seperti gred A hingga E. Pemeriksa meletakkan nilainya sendiri terhadap karangan itu. Katakan pemeriksa memberi gred B. Karangan itu dibaca sekali lagi untuk mengenal pasti kekuatan dan kesilapannya pula. Sesudah itu dimuktamadkanlah markahnya.

Cara ini amat subjektif, memerlukan pemeriksa yang cukup mahir dan berkebolehan membaca karangan itu secara kritikal. Amat subjektif bermakna kebolehpercayaan pemarkahan amat rendah. Bagaimanapun, kebolehpercayaan pemarkahan pemeriksa itu dapat ditinggikan sedikit melalui penyelarasan antara para pemeriksa dan penyediaan model jawapan untuk rujukan bersama.

Satu teknik global lagi dilakukan melalui perbandingan, iaitu pemeriksa membaca karangan berkenaan sekali lalu dan menyusunnya mengikut kualiti. Karangan terbaik

diletakkan di atas dan yang paling lemah diletakkan di bawah sekali. Kesemua karangan itu dibaca sekali lagi untuk memastikan kedudukannya. Kemudian ditentukan peratus A, B, C dan seterusnya.

Teknik bandingan ini sesuai untuk mememarkah esei panjang seperti kerja projek. Teknik ini juga sesuai untuk memilih esei, cerpen, sajak, novel dan lain-lain bagi sesuatu peraduan, terutamanya pada peringkat saringan. Satu contoh PMM teknik global diberi dalam *Lampiran A*.

### Teknik Analisis

Markah diberi berdasarkan kriteria tertentu. Sekiranya jawapan calon mempunyai banyak unsur yang dinyatakan dalam kriteria itu, maka tinggilah markahnya. Pemarkahannya sistematik dan kebolehpercayaannya tinggi. Pemeriksa pula tidak semestinya pakar dalam bidang berkenaan. Teknik pemarkahan ini sesuai untuk ujian pencapaian dan boleh juga digunakan untuk ujian formatif kerana hasilnya dapat digunakan untuk tujuan diagnostik dan memberi maklumat kembali kepada pelajar dan pengajar.

#### (a) Perincian Aspek Karangan Biasa

Teknik ini digunakan untuk mememarkah karangan berdasarkan peruntukan markah tertentu. Bagi karangan Bahasa Melayu, pembahagian markah *mungkin* seperti di bawah.

Isi	= 30%
Bahasa	= 40%
Gaya dan Olahan	= 30%
Jumlah	= 100%

Bagi isi, tetapkan jumlah isi dan gunakan skala global 10 mata atau teknik analisis. Jika skala global 10 mata dipilih, kriterianya hendaklah berkaitan dengan isi. Jika teknik analisis digunakan, butirkan pembahagian markah dan sertakan isi-isi contoh. Bagi aspek bahasa, gunakan sistem tolak iaitu tolak satu markah bagi setiap kesalahan bahasa seperti struktur frasa, struktur ayat, penggunaan kata, ejaan dan sebagainya. Bagi gaya dan pengolahan, gunakan skala global 10 mata. (Lihat *Lampiran C*.)

Sebenarnya teknik analisis ini dapat dinamakan teknik gabungan kerana jelas dicampurkan unsur global dengan unsur analisis. Teknik ini amat sesuai digunakan untuk menguji kemahiran bahasa kerana 70% daripada markah diperuntukkan bagi aspek-aspek bahasa dan pengalahirannya. Teknik ini juga amat berguna untuk tujuan menganalisis kesilapan. Lazimnya, isi diberi pemberatan separuh atau lebih daripada separuh. Kelaziman itu sesuai untuk mememarkah esei pengajian tinggi seperti mata pelajaran Pengajian Am, Sijil Tinggi Persekolahan dan tugas tertentu di institusi pengajian tinggi.

#### (b) Perincian Aspek Karangan Berformat

PMM teknik analisis karangan berformat selalunya lebih terperinci. Katakan kita telah menyediakan soalan berbentuk wawancara. Katakan juga markah penuhnya ialah 15 markah. Kita boleh menggunakan nisbah 2:2:1 bagi aspek bahasa, isi dan format. Dengan kata lain bahasa diperuntukkan enam markah, isi diperuntukkan enam markah dan format diperuntukkan tiga markah.

##### Perincian Markah Bahasa

Laras dan gaya	2 markah
Tanda baca	1 markah
Ayat, ejaan dll.	3 markah

**Perincian Markah Isi**

Dalam pendahuluan	1 markah
Dalam susulan	4 markah
Dalam penutup	1 markah

**Perincian Markah Format**

Nama penyoal	½ markah
Nama tetamu	½ markah
Tajuk	½ markah
Pendahuluan	½ markah
Pemerenggan	½ markah
Penutup	½ markah

**TEKNIK PEMARKAHAN**

Katakanlah kita akan mememarkah ujian karangan. Pemarkahan dapat dilakukan berdasarkan susunan kertas iaitu kita periksa jawapan calon A, diikuti dengan calon B dan seterusnya. Pemarkahan dapat juga dilakukan berdasarkan tajuk karangan. Misalnya, mula-mula kita periksa semua karangan “Cita-cita Saya”. kemudian kita periksa pula karangan “Faedah Membaca” dan seterusnya, tanpa mengikut susunan kertas ujian.

Kedua-dua cara ini dapat digunakan. Jika kertas yang hendak diperiksa itu banyak, cara kedua lebih berkesan kerana pemeriksa dapat menumpukan fikirannya kepada isi sesuatu tajuk karangan itu. Jika kertas itu mengandungi lebih daripada satu soalan karangan, cara kedua perlu diutamakan kerana dengan cara ini fikiran kita tidak disela oleh pelbagai isi karangan yang lain; apalagi jika skema pemarkahannya berbeza-beza. Mokhtar (1995: 110) menyatakan, cara ini dapat menghindarkan pemeriksa daripada dipengaruhi oleh soalan sebelumnya ketika memeriksa butiran seterusnya.

Bagi ujian formatif, elok diwujudkan kebiasaan merahsiakan nama calon seperti yang dilakukan dalam peperiksaan awam. Dengan cara ini kita dapat mengurangkan kesan emosi yang dinamakan kesan *halo*. Bagi ujian formatif juga, skema pemarkahan sepatutnya diberitahu kepada pelajar.

**PENYELARASAN**

Dalam peperiksaan awam, penyelarasan pemarkahan item esei memang sentiasa dilakukan. Amalan ini elok dilaksanakan di sekolah bagi kedua-dua jenis ujian, sumatif dan formatif, jika pemeriksanya lebih daripada seorang. Penggubalan kertas soalan bagi ujian semester dan tahunan yang dipusatkan dalam sesuatu kawasan Pusat Kegiatan Guru (PKG) atau sub-PKG sangat digalakkan. Usaha ini perlu disempurnakan dengan penyelarasan pemarkahan.

Penyelarasan boleh meninggikan kebolehpercayaan pemarkahan. Mereka yang menghadiri mesyuarat penyelarasan memeriksa sampel jawapan calon. Kemudian, dibincangkan sebab-sebab markah yang diberi itu terlalu tinggi atau terlalu rendah. Melalui perbincangan, pemeriksaan semula, perubahan terhadap skema dan sebagainya, perbezaan markah antara pemeriksa itu dapat diminimumkan. Lazimnya penyesuaian atau moderasi markah dilakukan dalam penyelarasan apabila selisih markah antara pemeriksa melebihi 5%.

## PEMARKAHAN KARANGAN UPSR

**K**ertas Bahasa Melayu (Ujian Penulisan) UPSR mengandungi dua soalan yang dinamakan **Soalan 1** dan **Soalan 2**. Calon dikehendaki menjawab kedua-dua soalan. Bagi Soalan 1, calon dapat memilih sama ada Soalan 1 (a) atau Soalan 1 (b). Bagi Soalan 2, calon tidak diberi pilihan.

Pemarkahan yang sesuai bagi kertas ini ialah teknik analisis. Jika markah penuh 50, markah bagi setiap soalan ialah 25 markah. Oleh sebab Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah menekankan kemahiran berbahasa, nisbah markah bahasa wajar melebihi markah isi. Pecahannya ialah 15 markah bagi bahasa dan 10 markah bagi isi

Perincian markah bahasa di bawah ini lazimnya digunakan.

- |                           |          |
|---------------------------|----------|
| (a) Perbendaharaan kata   | 3 markah |
| (b) Struktur ayat         | 3 markah |
| (c) Penggunaan imbuhan    | 3 markah |
| (d) Penggunaan tanda baca | 3 markah |
| (e) Ejaan                 | 3 markah |

Bagi komponen perbendaharaan kata dan struktur ayat, markah dapat diberi secara global. Markah penuh diberi jika calon berjaya memperlihatkan keluasan penggunaan perbendaharaan kata dan menggunakan pelbagai jenis dan ragam ayat. Bagi komponen yang lain, sistem pemotongan markah dapat digunakan. Potong setengah markah bagi setiap kesalahan penggunaan imbuhan, penggunaan tanda baca, dan ejaan. Markah tidak dipotong bagi kesalahan yang berulang. Ini bermakna calon mungkin kehilangan sembilan daripada 15 markah bahasa.

Markah isi pula dapat diagihkan seperti di bawah:

- |                       |          |
|-----------------------|----------|
| Pendahuluan           | 1 markah |
| Isi: 4 isi x 2 markah | 8 markah |
| Penutup               | 1 markah |

Agihan markah isi ini dapat digunakan untuk kesemua soalan.

Di bawah ini diberikan beberapa contoh umum berdasarkan soalan UPSR yang sebenar.

**1992: Soalan 1 (a)** Empat cara menggunakan masa dengan sebaik-baiknya. **Soalan 1 (b)** Empat cara kita boleh mengembirakan ibu bapa.

**1993: Soalan 1 (a)** Empat episod peristiwa yang tidak dapat dilupakan. **Soalan 1 (b)** Empat cara menggunakan wang, jika saya ada banyak wang.

**1994: Soalan 1 (a)** Empat cara menjaga kesihatan badan. **Soalan 1 (b)** Empat faedah bersukan.

**1995: Soalan 1 (a)** Empat episod cerita aneh. **Soalan 1 (b)** Empat gambaran Hari Kebangsaan yang telah disaksikan.

**1996: Soalan 1 (a)** Empat cara menjaga kebersihan diri dan kawasan tempat tinggal. **Soalan 1 (b)** Empat faedah membaca.

**1997: Soalan 1 (a)** Empat cara mengenang jasa ibu bapa. **Soalan 1 (b)** Empat kepentingan kerjasama di kalangan murid.

**1998: Soalan 1 (a)** Empat kebaikan belajar secara kumpulan dibandingkan dengan belajar bersendirian; atau empat keburukan belajar secara kumpulan dibandingkan dengan belajar bersendirian. **Soalan 1 (b)** Empat perkara penting yang dibincangkan dalam mesyuarat penubuhan kelab buku.

Pembahagian markah isi tidaklah terlalu rigid. PMM lazimnya menyatakan bahawa pemeriksa boleh mempertimbangkan markah yang sesuai bagi isi yang berkaitan dengan soalan walaupun isi-isi itu tidak tercatat dalam PMM. PMM yang baik disertai contoh rangka jawapan. Di bawah ini diberikan satu contoh rangka jawapan bagi **Soalan 1 (b)** tahun **1996**:

**Pendahuluan (1 markah)**

Amalan membaca sangat bermanfaat kepada manusia.

**Isi (2 markah x 4 isi)**

1. Meluaskan pengetahuan yang dipelajari dalam bilik darjah.
2. Menambah pengalaman melalui cerita benar atau pengembaraan.
3. Menambah perbendaharaan kata.
4. Mendapat keseronokan atau kepuasan melalui cerita-cerita rekaan.

**Penutup (1 markah)**

Tabiat membaca perlu dipupuk sejak kecil lagi.

Bagi soalan yang memerlukan format, calon mesti menulis karangan dalam format yang dikehendaki. Pemeriksa boleh memotong sehingga tiga markah daripada keseluruhan markah yang diperoleh bagi item yang berkenaan. Perhatikan contoh penerangan tentang hal ini yang sesuai untuk PMM sekolah rendah:

**Soalan 1 (a)** jika *tidak* ditulis dalam bentuk dialog, tolak tiga markah.

**Soalan 1 (b)** jika *tiada* pendahuluan, tolak satu markah; jika *tiada* kata penegasan di tengah karangan, tolak satu markah; dan jika *tiada* penutup, tolak satu markah.

Sebelum tahun 1996, Kertas Bahasa Melayu (Ujian Penulisan) UPSR mensyaratkan calon menulis karangan yang panjangnya *tidak kurang daripada 80 patah perkataan*. Apabila frasa *tidak kurang daripada 80 patah perkataan* digunakan, PMM perlu menerangkan sistem pemotongan markah jika calon menggunakan lebih daripada 80 patah perkataan. Cadangan pemotongan markah bagi karangan yang pendek adalah seperti yang berikut:

**60 -- 75** patah perkataan: tolak satu markah daripada jumlah markah yang diperoleh untuk soalan itu.

**50 -- 59** patah perkataan: tolak dua markah daripada jumlah markah yang diperoleh untuk soalan itu.

**40 -- 49** patah perkataan: tolak tiga markah daripada jumlah markah yang diperoleh untuk soalan itu.

**39** patah perkataan ke bawah: peruntukan markah tidak boleh melebihi 10 daripada 25 markah.

Mulai tahun 1996, had maksimumnya perkataan yang boleh digunakan oleh calon dicatatkan dalam arahan, iaitu *tidak melebihi 120 patah perkataan*. PMM perlu memberikan garis panduan kepada pemeriksa jika calon melanggar had maksimum yang ditetapkan itu. Lazimnya, pemeriksa tidak perlu menilai bahagian yang melebihi had maksimum itu. Dengan kata lain, calon tidak diberi sebarang markah untuk perkara yang ditulis selepas had maksimum itu. Penggunaan perkataan melebihi had maksimum itu juga tidak membabitkan pemotongan markah. Namun demikian, calon dijangka akan kehilangan markah isi jika isinya, khususnya penutup, terkandung dalam perkataan-perkataan yang melebihi had maksimum itu.

Pemeriksaan secara analisis untuk karangan sekolah rendah sudah tentu memerlukan pemeriksa yang teliti. Pemeriksa perlu membaca karangan itu sekali lalu terlebih dahulu untuk mendapatkan kesan dan menentukan jumlah perkataan yang digunakan oleh calon.

Kemudian karangan itu dibaca sekali lagi untuk menimbangkan markahnya yang sebenar berdasarkan ketetapan cara pemberian markah. Ketika membaca, pemeriksa perlu menanda isi dan kesalahan-kesalahan seperti **Rajah 1**.

( )	Kesalahan isi
~~~~~	Kesalahan struktur ayat
————	Kesalahan penggunaan perkataan
=====	Kesalahan penggunaan imbuhan
○	Kesalahan tanda baca
/	Kesalahan ejaan
//	Kesalahan ejaan yang berulang
✓ <sup>1/2</sup>	Catatan isi dan markahnya

**Rajah 1: Penandaan Karangan**

Apabila penandaan telah selesai dilaksanakan, tuliskan markah yang telah dipertimbangkan itu pada sebelah kanan bahagian bawah karangan seperti dalam **Rajah 2**.

Aspek	Pecahan	Markah
Isi		8
	(a)	2
Bahasa	(b)	3
	(c)	2
	(d)	3
	(e)	0
Jumlah		<b>18</b>
- Format		0
- Bilangan perkataan		-1
<b>JUMLAH</b>		<b>17</b>

**Rajah 2: Catatan Markah**

Biasa markah penuh yang diberi adalah dalam angka bulat. Jika calon mendapat 85½ markah daripada 100, markah itu boleh dibulatkan menjadi 86. Namun demikian, apabila nilai ½ markah itu dari segi peratusnya begitu tinggi, pembulatan itu tentulah kurang wajar. Bagi kertas Bahasa Melayu (Ujian Penulisan) UPSR, ½ markah bernilai 2%. Pembulatan markah bagi kes ini kurang wajar.

Markah muktamad hendaklah ditulis di penjuru sebelah kanan halaman pertama karangan calon. Bagi karangan yang terpesong, peruntukan markah tidak boleh melebihi

lima markah.

## **BEBERAPA ISU**

### **Penandaan Kesilapan**

Penandaan kesilapan dapat dilakukan berpandukan **Rajah 1** atau cara-cara yang difikirkan sesuai (lihat Abdul Aziz Abdul Talib, 1993: 278-279). Penandaan kesilapan sangat penting bagi ujian sumatif. Dalam ujian sumatif lazimnya sampelan kertas yang telah diperiksa oleh pemeriksa akan disemak oleh *ketua pasukan*. Sampelan kes lulus biasa, semua kes gagal dan semua kes cemerlang mungkin juga akan disemak oleh *ketua pemeriksa*. Penandaan kesilapan itu akan memudahkan ketua pasukan dan ketua pemeriksa melaksanakan tugas mereka.

Bagi ujian formatif, kesilapan yang telah ditanda pada kertas jawapan dapat menjadi sumber maklumat yang sangat berguna untuk guru dan murid. Guru dapat menggunakannya untuk menganalisis kesilapan dan mengadakan tindakan susulan. Pelajar pula dapat mengetahui kelemahan mereka dan boleh berusaha memperbaiki kelemahan yang ditunjukkan itu.

Pemeriksa dapat juga menggunakan tanda-tanda penyuntingan jika sasaran memahami tanda-tanda penyuntingan itu. Penandaan kesilapan dan penyuntingan dengan menggunakan tanda-tanda penyuntingan sangat sesuai dilakukan di sekolah menengah dan peringkat pengajian tinggi bagi ujian-ujian formatif, khususnya latihan harian.

### **Dua Ekstrem**

Pemeriksa mungkin sukar membuat keputusan apabila bertemu dengan keadaan yang bertentangan. Yang pertama ialah isi jawapan calon sangat tepat dan matang, tetapi ada masalah dari segi bahasa. Antara masalah bahasa yang lazim berlaku ialah kesilapan struktur frasa dan ayat, kurang keragaman susuk ayat dan kesilapan penggunaan tanda baca. Peringkat tertinggi bagi kes ini ialah peringkat B. Yang kedua ialah isi jawapan calon terpesong terus, tetapi prestasi bahasanya cemerlang. Peringkat tertinggi yang dapat diberi kes ini ialah peringkat D.

## **PENUTUP**

Berbanding dengan butiran berbilang pilihan, butiran subjektif, khususnya karangan, mudah digubal. Namun demikian penyediaan PMM dan usaha pemarkahan butiran subjektif menuntut kesungguhan yang bukan kepalang. Pemeriksa mestilah melaksanakan tugasnya secara profesional dan bersungguh-sungguh. Penguasaan yang mendalam terhadap subjek yang diperiksa juga sangat dituntut. Pemeriksa terdedah pada tuduhan tidak adil jika gagal mengesan kesilapan calon atau menyalahkan sesuatu yang sememangnya sudah betul.

Abu Bakar Nordin (1986: 220) menyarankan pemeriksa melakukan tugasnya semasa fikiran tenteram dan di tempat yang sesuai. Namun demikian, jika masih terdengar rungutan daripada calon setelah segala usaha dilakukan sebaik mungkin, pemeriksa dapat secara bersahaja meluahkan rasa, "Memang sudah adat benda subjektif!"

*Lampiran A***TEKNIK GLOBAL****Soalan 1: Karangan (100 markah)**

Calon dikehendaki memilih dan mengarang satu tajuk sahaja. Panjang karangan kira-kira 350 patah perkataan seperti yang ditetapkan itu berupa panduan sahaja. Tidak ada potongan markah bagi karangan yang kurang atau lebih daripada 350 perkataan.

**Panduan Am**

Pemeriksa hendaklah membaca karangan itu sekali lalu untuk mendapatkan kesan dan menganggarkan peringkat karangan itu sambil memerhatikan perkara-perkara yang berikut:

*Bahasa dan Gaya.* Menggunakan bahasa yang betul, lancar dan jelas. Gaya bahasanya sesuai dengan tajuk karangan.

*Isi dan Susunan.* Mempunyai sekurang-kurangnya lima isi yang sesuai; memperlihatkan kematangan fikiran, tersusun dan baik penyampaiannya.

**Pemberian Markah**

Setelah membaca karangan itu sekali lalu, tetapkan peringkat yang sesuai berdasarkan peringkat-peringkat di bawah ini.

**Peringkat A (75--100 markah)**

Takrif terhadap tajuk karangan yang dipilih tepat. Bahasa lancar dan bersih daripada kesalahan tatabahasa: struktur ayat, imbuhan, perenggan, tanda baca, peribahasa dan lain-lain. Susuk ayat beragam dan penggunaan perbendaharaan katanya luas dan tepat. Isinya cukup dan berkembang, lengkap dengan contoh-contoh yang sesuai. Pengolahannya sangat menarik dan berkesan. Hujah-hujahnya sangat logik dan memperlihatkan ciri-ciri kematangan fikiran yang tinggi.

**Peringkat B (60--74 markah)**

Takrif terhadap tajuk karangan yang dipilih masih lagi tepat. Bahasa memuaskan. Keragaman susuk ayat kurang sedikit. Perbendaharaan katanya sederhana. Isinya cukup dan pengolahannya agak menarik. Terdapat juga ciri-ciri kematangan fikiran dalam penulisannya.

**Peringkat C (40--59 markah)**

Takrif terhadap tajuk karangan yang dipilih kurang tepat. Ada kesalahan tatabahasa tetapi dapat dimaafkan. Tidak menunjukkan keanekaragaman susuk ayat. Perbendaharaan katanya terhad, mudah dan kurang tepat. Isinya kurang: ada yang cocok, ada yang tidak sesuai. Pengolahannya kadang kala kabur.

**Peringkat D (30--39 markah)**

Tajuk karangan kurang difahami. Terdapat kesilapan tatabahasa yang tidak boleh dimaafkan. Susunan bahasanya membayangkan penguasaan bahasa yang kurang mantap. Perbendaharaan katanya tidak tepat. Pengolahan dan penyusunannya agak lemah dan tidak teratur. Isinya sipi.

**Peringkat E (1--10 markah)**

Tajuk karangan tidak difahami langsung. Penguasaan bahasanya lemah. Struktur ayat berkecamuk. Olahannya mengelirukan dan sukar difahami. Perbendaharaan katanya salah. Isinya terpesong.

**Kesimpulan**

Baca karangan itu sekali lagi dengan teliti untuk menimbangkan markah yang sebenar.



Sambil membaca itu, tandakan kesalahan-kesalahan bahasa, isi dan ejaan. Bagi kesalahan ayat, frasa dan perkataan, buat garisan di bawah kesalahan itu. Bagi kesalahan isi, kurungkan perenggan atau ayat yang mengandungi kesalahan isi dengan kurungan. Bagi kesalahan ejaan, tandakan dengan satu palang / dan kesalahan ejaan yang sama tandakan dengan dua palang //. Bagi kesalahan tanda baca buat bulatan pada bahagian yang berkenaan. Potong setengah markah bagi tiap-tiap kesalahan ejaan. Markah tidak dipotong bagi kesalahan yang berulang. Potongan maksimum kesalahan ejaan ialah lima markah. Tulis markah yang telah dipertimbangkan di sebelah kanan bahagian bawah karangan. Contoh:

Keseluruhan	70
Tolak Ejaan	-4
<b>Jumlah</b>	<b>66</b>

Bagi karangan yang berbentuk perbahasan, calon dikehendaki *menulis kontra* kepada tajuk itu. Tajuk itu sendiri dianggap sebagai pro atau pencadang dalam karangan itu. Untuk karangan yang berbentuk perbincangan, calon dikehendaki menulis pro dan kontra. Bagi karangan yang berbentuk cerpen dan peribahasa pula, sesuaikan kriteria tadi.

### *Lampiran B*

#### TEKNIK ANALISIS

##### Karangan Berformat: Berita

<b>Format</b>	4 markah
<b>Isi</b>	6 markah
<b>Bahasa</b>	5 markah

##### Perincian Markah Format

Tajuk berita	½ markah
Nama penulis	½ markah
Tempat berlaku	½ markah
Tarikh	½ markah
Pemerenggan	1 markah
Penutup	1 markah
<b>Jumlah</b>	<b>4 markah</b>

##### Perincian Markah Isi

Isi dalam intro	2 markah
Isi dalam susulan	3 markah
Isi dalam penutup	1 markah
<b>Jumlah</b>	<b>6 markah</b>

##### Perincian Markah Bahasa

Laras dan gaya	1½ markah
Tanda bacaan	½ markah
Ayat, ejaan dll.	3 markah

**Jumlah**                    **5 markah**

*Lampiran C*

**TEKNIK EKLEKTIK**

**Soalan 1: Karangan (20 markah)**

Calon dikehendaki menjawab **satu** soalan sahaja. Pemarkahan untuk semua jawapan adalah seperti yang berikut:

Bacaan pertama untuk mengesan isi dan menggedredkan pengolahan. Bacaan kali kedua untuk menandakan kesilapan dan memastikan markah pengolahan.

Isi	=	10 markah
Pengolahan	=	10 markah
Jumlah	=	20 markah

**(a) Teknik Analisis untuk Isi**

**Isi (10 markah).** Dikehendaki sekurang-kurangnya empat isi. 4 isi x 2½ markah = 10 markah. Beri markah penuh bagi isi yang tepat dan lengkap. Jika isi melebihi empat, beri satu markah bonus asalkan tidak melebihi markah maksimum keseluruhan. Beri satu markah sahaja bagi isi yang kurang tepat atau kurang lengkap.

Contoh isi:

(Skema sebenar menyenaraikan isi bagi semua soalan. Di sini diturunkan contoh isi bagi satu soalan sahaja.)

Soalan (a) Faktor sosial yang menentukan penggunaan kata ganti diri:

- Kelas sosial
- Kedudukan ekonomi atau pekerjaan dalam keluarga
- Umur
- Situasi formal dan tidak formal
- Jawapan-jawapan lain yang sesuai

**(b) Teknik Global 10 Mata untuk Pengolahan**

**Pengolahan (10 markah).** Bagi kesalahan ayat, frasa dan perkataan: tandakan dengan garisan di bawah kesalahan berkenaan. Bagi kesalahan isi, tandakan dengan kurungan. Bagi kesalahan ejaan: tandakan dengan satu garis miring ke kanan (*back slash*). Bagi kesalahan ejaan yang sama, tandakan dengan dua garis miring ke kanan. Bagi kesalahan tanda bacaan: tandakan dengan bulatan. Potong ½ markah bagi tiap-tiap kesalahan ejaan. Markah tidak dipotong bagi kesalahan yang berulang (dua palang). Potongan maksimum kesalahan ejaan ialah dua markah. Tulis markah yang telah dipertimbangkan di sebelah kanan bahagian bawah karangan seperti contoh di bawah ini:

Isi	7/10
Pengolahan	6/10
Jumlah	13/20
- E	- 1

Jumlah akhir 12/20

**Peringkat A (9--10 markah)** Takrif terhadap tajuk esei tepat dan bahasa lancar. Tiada kesalahan tatabahasa. Susuk ayat beragam. Penggunaan perbendaharaan katanya luas dan tepat. Pengolahannya sangat menarik dan berkesan. Hujah-hujahnya sangat lojis dan memperlihatkan ciri-ciri kematangan fikiran yang tinggi.

**Peringkat B (7--8 markah)** Takrif terhadap tajuk esei masih lagi tepat. Bahasanya memuaskan. Keragaman susuk ayat kurang sedikit. Perbendaharaan katanya agak sederhana. Pengolahannya agak menarik. Terdapat juga ciri-ciri kematangan fikiran dalam penulisannya.

**Peringkat C (5--6 markah)** Takrif terhadap tajuk esei kurang tepat. Terdapat kesalahan tatabahasa--dapat dimaafkan. Tidak menunjukkan keanekaragaman susuk ayat. Perbendaharaan katanya terhad, mudah dan kurang tepat. Pengolahannya kadang kala kabur.

**Peringkat D (3--4 markah)** Tajuk esei kurang difahami. Terdapat kesilapan tatabahasa yang tidak boleh dimaafkan. Susunan bahasanya membayangkan penguasaan bahasa yang kurang cekap. Perbendaharaan katanya tidak tepat. Pengolahan dan penyusunannya agak lemah dan kurang teratur.

**Peringkat E (1--2 markah)** Tajuk esei tidak difahami langsung. Penguasaan bahasanya lemah. Struktur ayat berkecamuk. Olahannya mengelirukan dan sukar difahami. Perbendaharaan katanya salah.

#### BIBLIOGRAFI

Abdul Aziz Abdul Talib, 1993. *Menguji Kemahiran Bahasa: Prinsip, Teknik dan Contoh*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Bakar Nordin, 1986. *Asas Penilaian Pendidikan*. Petaling Jaya: Longman.

Azman Wan Chik, 1994. *Pengujian Bahasa: Kes Bahasa Melayu, Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahir Publications, 1997. *Koleksi Kertas UPSR Bahasa Malaysia*. Shah Alam: Mahir Publications Sdn. Bhd.

Mohd. Isa Abd. Razak, 1988. "Soalan Subjektif: Teknik Penggubalan dan Skema Pemarkahan". Kertas kerja. Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban.

Mokhtar Ismail, 1995. *Penilaian di Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Raminah Haji Sabran, 1991. *Penilaian dan Pengujian Bahasa Malaysia, Penerapannya pada Peringkat Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.